

Tenaga guna semula, kecekapan pengurusan terus digalakkan

UM 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR 16 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan terus menggalakkan tenaga guna semula dan kecekapan pengurusan tenaga bagi memacu pertumbuhan mapan menerusi penggunaan sumber secara maksimum.

Perdana Menteri yakin sebagai negara yang menjana sejumlah besar sisa biomass terutama dalam industri minyak kelapa sawit dan kayu, Malaysia mempunyai potensi menemui tenaga daripada bahan buangan tersebut.

Katanya, kajian terbaru yang disediakan oleh kerajaan menunjukkan sumber tenaga semula tenaga yang terdapat di negara ini mempunyai potensi teknikal yang menyamai kira-kira 36 juta tan minyak.

"Ini merupakan sumber besar yang akan terbuang jika tidak dipergunakan sepenuhnya.

"Kebanyakan sumber itu adalah sisa biomass yang dihasilkan oleh industri tempatan yang juga menghadapi masalah menghapuskannya dengan kesan negatif yang minimum terhadap alam sekitar," katanya ketika menyampaikan ucapan utama dan merasmikan Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini.

Forum dua hari itu dianjurkan oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan terus menyelaras penggalakan tenaga guna semula sebagai bahan bakar kelima selepas minyak, arang batu, gas dan hidro dalam strategi kepelbagaian bahan api.

"Memandangkan industri tenaga dijangka terus mengalami pertumbuhan pesat, penggunaan tenaga yang lebih cekap akan membantu mengurangkan pembaziran dan meningkatkan daya saing dalam industri pengeluaran negara.

"Di samping itu, ia akan memudahkan pertumbuhan mapan menerusi penggunaan sumber yang maksimum," katanya.

Menurut Perdana Menteri, tenaga guna semula dan kecekapan tenaga ialah industri baru yang tumbuh di seluruh dunia dengan kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada perniagaan tenaga konvensional.

Tambahnya, ia menawarkan potensi yang jauh lebih besar kepada pembangunan keusahawanan dan teknologi.

"Jika industri yang maju dapat dibina lebih awal di negara ini, Malaysia dengan mudah bakal menerajui eksport teknologi baru dan khidmat rundingan dalam tenaga guna semula dan kecekapan tenaga," katanya.

Komersial

Perdana Menteri turut mendedahkan kajian lain yang disediakan kerajaan baru-baru ini juga menunjukkan jika industri dan sektor komersial digalakkan memperbaiki kecekapan penggunaan tenaga masing-masing kepada 10 peratus, negara akan memperoleh faedah melebihi RM5.8 bilion lebih lima tahun.

Bagaimanapun, katanya, sebaik sahaja amalan dan teknologi yang cekap dilaksanakan, faedah itu akan terus bertambah sepanjang hayat peralatan yang digunakan yang boleh mencecah 15 tahun.

Menurutnya, kemuncak permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia sahaja telah bertambah daripada 3,447 megawatt pada 1990 kepada 9,948 megawatt tahun ini dan ia dijangka meningkat lebih 117 peratus kepada 21,668 megawatt pada 2010.

Sehingga Malaysia mencapai taraf negara maju pada 2020, Perdana Menteri berkata, negara akan terus mendorong pertumbuhan pesat dan amat jelas bahawa ia perlu mempelbagaikan sumber tenaganya.